

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

September 1997

HLA 101/NSK 003 - Pengantar Seni Teater

Masa [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN.

Jawab LIMA (5) soalan. Jawab SOALAN NO. 1 dan EMPAT soalan yang lain.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama

1. Pilih enam (6) daripada berikut dan jelaskannya.

- | | |
|------------------|-------------|
| a. dithyramb | e. choregus |
| b. Aeschylus | f. hamartia |
| c. archon | g. theatron |
| d. City Dionysia | h. skeene |

2. Huraikan DUA daripada berikut:

- | |
|--|
| a. fungsi teater di dalam masyarakat |
| b. fungsi korus di dalam teater Yunani |
| c. fungsi bahasa atau dialog di dalam drama |
| d. fungsi kekaguman di dalam sesebuah pementasan |

3. Realisme adalah aliran di dalam teater yang berkonseptan menyamai kehidupan. Berdasarkan drama PENTAS OPERA karya Zakaria Ariffin, nyatakan pendapat anda sejauh manakah drama tersebut menepati konsep itu.
4. Plot, watak, pemikiran/fikriah, bahasa dan keaguman merupakan elemen-elemen teras kepada sesebuah drama. Pilih salah satu elemen dan jelaskannya berdasarkan naskah atau skrip pilihan anda.
5. Elemen-elemen lakonan, tari, muzik, solek, ruang lakon, hiaslatar dan teks drama memainkan peranan penting di dalam sesebuah pementasan teater Sanskrit. Pilih dan huraikan EMPAT daripada elemen-elemen tersebut.
6. Kesan daripada penjajahan kebanyakkan teater tradisional di Asia Tenggara telah mengalami perubahan dan pengubahsuaihan. Di samping perubahan dan pengubahsuaihan yang dialaminya, teater tradisional Asia Tenggara masih kekal dengan ciri-ciri keasliannya. Nyatakan ciri-ciri keaslian yang masih kekal di dalamnya.
7. Kejayaan sesebuah produksi teater bukan sahaja terletak di tangan pengarah dan pelakon. Pengurusan pentas, perekaan latar (scenery), kostium dan penataan cahaya turut memainkan peranan untuk menjayakan sesebuah pementasan teater. Huraikan peranan pengurus pentas, pereka latar, pereka kostium dan penata cahaya di dalam sesebuah produksi teater.
8. Mengikut takrifan Beckerman, “teater berlaku apabila seseorang atau beberapa orang mempersempahkan sesuatu kepada penonton yang terpisah daripada ruang dan waktu”. Jelaskan pendapat ini.